



## " BERPEGANG KEPADA AQIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH "

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَّعُمْ فِي شَيْءٍ فَرْدُوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا .

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْ صِرِيكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ



تَعَالَى : يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا آتُّهُمْ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُم مُسْلِمُونَ.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan penuh ketaatan, keyakinan dan keikhlasan. Iaitu dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa seterusnya selamat dan berjaya di dunia serta di akhirat.

Pada hari yang mulia ini marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk: "*Berpegang Kepada Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah*".

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan pegangan yang dominan di kalangan masyarakat Islam hampir diseluruh dunia khususnya di rantau Asia Tenggara termasuk negara kita Malaysia. Malaysia di antara negara yang menjadikan Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai pegangan rasmi masyarakat Islam di negara ini berdasarkan keputusan dan pengamalan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dan para mufti serta ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Seluruh Malaysia. Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah menetapkan bahawa "*Umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang*



berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlak".

### Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Istilah *Ahli Sunnah Wal Jamaah* berasal daripada dua patah perkataan iaitu “*ahl al-Sunnah*” dan “*al-Jamaah*” yang memberi maksud golongan yang mengikuti pegangan Nabi s.a.w. atau mengikuti jalan hidup Baginda s.a.w. dan jamaah para sahabat terutamanya para khulafa’ al-Rasyidin yang dididik oleh Baginda s.a.w. Ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah meliputi ajaran-ajaran Islam mengenai akidah, syariah dan akhlak yang dibawa semenjak zaman Nabi s.a.w. serta para sahabat Baginda s.a.w.

Istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah diambil dan dirumus oleh ulama berdasarkan riwayat hadis. Daripada Abdullah bin Amr R.A bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

وَإِنَّ بَنِي إِسْرَائِيلَ تَفَرَّقُتْ عَلَىٰ ثَنَتِينَ وَسَبْعِينَ مِلَةً، وَتَفَرَّقُ أُمَّتِي عَلَىٰ ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ مِلَةً كُلُّهُمْ فِي النَّارِ إِلَّا مِلَةٌ وَاحِدَةٌ، قَالُوا: وَمَنْ هِيَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: مَا أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْحَابِي.

“Sesungguhnya telah berpecah Bani Israil kepada tujuh puluh dua (72) kelompok. Manakala umatku akan berpecah kepada tujuh puluh tiga



(73) kelompok di mana kesemuanya akan ke neraka kecuali satu (1) kelompok. Mereka bertanya: Siapakah mereka itu wahai Rasulullah? Baginda s.a.w. menjawab: Mereka adalah golongan yang berpegang kepada ajaranku dan para sahabatku". (Riwayat at- Tirmidzi)

Berdasarkan riwayat hadis tersebut dan riwayat-riwayat lain yang seerti dengannya, para ulama telah membuat kesimpulan bahawa maksud mereka yang mengikut sunnah Rasul dan para sahabat ialah golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah satu pegangan yang berakar umbi dari ajaran yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat Baginda. Kemudian, disusun dengan lebih bersistem dan teguh oleh dua tokoh imam Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu Imam Abu al-Hassan al-Ash'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah disifatkan sebagai ajaran yang betul, lurus, selamat, jelas dan tiada kekeliruan di dalamnya. Sementara ajaran-ajaran lain disifatkan sebagai ajaran yang keliru, menyeleweng dan mempunyai kecenderungan yang jauh daripada ajaran yang berasaskan al-Quran dan al-Sunnah. Antara ciri-ciri pegangan Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah:

Pertama : Berpegang dan mentafsirkan hukum-hukum Islam berdasarkan kepada sumber perundangan utama iaitu al-Quran, al-Sunnah, Ijmak dan Qias tanpa menolak atau mengurangkan peranan salah satu darinya.



- Kedua : Berpegang kepada ajaran Islam yang meliputi perkara mengenai Iman iaitu akidah, Islam iaitu syarak dan Ihsan iaitu akhlak.
- Ketiga : Berpegang kepada al-Quran yang dihimpunkan oleh para sahabat terutamanya al-Quran yang dikenali sebagai Mashaf Uthmani serta berpegang kepada al-Sunnah terutamanya hadis-hadis yang dihimpunkan oleh imam-imam besar hadis seperti Imam Bukhari, Imam Muslim, Imam Tirmidzi, Imam Abu Daud, Imam an-Nasa'ie, Imam Ibnu Majah dan imam-imam lain yang diiktiraf.
- Keempat : Berkepercayaan bahawa para sahabat kesemuanya bersikap benar dan adil tanpa mengkufurkan salah seorang dari mereka. Terutamanya, para khulafa' al-Rasyidin iaitu Saidina Abu Bakar as-Siddiq R.A, Saidina Umar al-Khattab R.A, Saidina Uthman bin 'Affan R.A dan Saidina Ali bin Abi Talib R.A.
- Kelima : Percaya dan beriman kepada perkara ghaib terutamanya yang sabit melalui al-Quran dan al-Sunnah seperti siksaan azab kubur, pembalasan syurga, neraka dan sebagainya.
- Keenam : Tidak mengkufurkan saudara se-Islam atau yang berkiblatkan Kaabah (*ahl al-Qiblah*) dengan mudah kecuali dengan pertimbangan ilmu atau hujjah yang kuat dan sikap yang adil.



Ketujuh : Kesederhanaan dalam kepercayaan dan pengamalan iaitu tidak terlalu ekstrem dan tidak terlalu cuai.

Adapun fahaman-fahaman lain yang dipelopori oleh beberapa golongan seperti Syiah, Rafidah, Khawarij, Qadariyyah, Murji'ah, Jahmiyyah dan sebagainya telah menyalahi sebahagian atau semua daripada perkara di atas. Seperti menolak al-Quran dan al-Sunnah, mentafsirkan Islam berdasarkan akal semata-mata dan kehendak nafsu, mengkufurkan para sahabat, bersikap ekstrem dan sebagainya. Justeru, fahaman dan ajaran seperti yang disebutkan di atas tertolak dan tidak tergolong di dalam kelompok Ahli Sunnah Wal Jamaah.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Pendirian pihak berkuasa dan institusi Islam di Malaysia dalam menetapkan Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai pegangan rasmi tidak lain adalah bertujuan untuk dijadikan sebagai panduan dan pegangan hidup serta pengamalan masyarakat Islam di negara ini. Ternyata sikap ini turut memberi impak positif yang berpanjangan dalam menyatupadukan umat dan mengukuhkan perpaduan serta kestabilan negara ini. Oleh itu, sebarang usaha untuk memasukkan ajaran dan fahaman yang berlainanan daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah dan berlainan daripada pengamalan biasa masyarakat Islam di negara ini dianggap sebagai usaha untuk memecahbelahkan masyarakat, mengacau-bilaukan kestabilan serta keharmonian negara.

Diharapkan kerjasama daripada seluruh masyarakat Islam di negeri ini untuk sama-sama membenteraskan ajaran dan fahaman yang menyalahi akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai menyahut seruan



Allah SWT selari dengan konsep tolong-menolong dalam membuat perkara kebajikan dan taqwa.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Kesimpulan khutbah yang dapat diambil pada hari ini ialah:

- Pertama : Aqidah dan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah satu-satunya akidah dan pegangan yang diyakini danjaminan selamat daripada azab api neraka oleh Rasulullah s.a.w.
- Kedua : Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah pegangan rasmi institusi dan masyarakat Islam di negara ini yang perlu dipegang dan dipertahankan.
- Ketiga : Sebarang ajaran, fahaman, pegangan atau ideologi yang bercanggah dan menyeleweng daripada Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah hendaklah dicegah dan dijauhi sebagaimana yang difatwakan oleh Majlis Agama atau Jabatan Mufti negeri-negeri seluruh Malaysia.
- Keempat : Segala ajaran dan fahaman baru yang mengelirukan perlulah dirujuk kepada Majlis Fatwa Kebangsaan, Jabatan Mufti negeri-negeri dan alim ulama bertauliah serta institusi-institusi Islam yang diiktiraf oleh pihak berkuasa.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
وَإِنْ تُطِعْ أَكْثَرَ مَنْ فِي الْأَرْضِ يُضْلُوكَ عَنْ سَبِيلٍ  
اللَّهُ أَنِّي يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَإِنْ هُمْ إِلَّا تَخْرُصُونَ



"Jika engkau menuruti kebanyakan orang yang ada di juka bumi, nescaya mereka akan menyesatkan engkau daripada jalan Allah, mereka tidak lain hanyalah menurut sangkaan semata-mata dan mereka tidak lain hanyalah berdusta".  
(Al-An'am: 116)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ,  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالدِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.



أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا  
مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ۔

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الْدِينِ۔

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ。قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَ  
يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُها الَّذِينَ ءامَنُوا صَلَوَةً  
عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيماً۔



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ  
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ  
إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَيْكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ  
عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبَحْفِظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّ لَهُ  
مَلِكِنَا الْمُعَظِّمِ سُلْطَانِ سَلَّمَاعُور، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ  
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سلطان صلاح الدين  
عبد العزيز شاه الحاج.



اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ  
ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِيْ  
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ  
وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ  
وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَىِ  
وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang melimpahkan rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri idaman, maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru, kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, tambahkan kami dengan ilmu dan kemahiran, suburkanlah jiwa kami dengan akhlak mulia, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya hidup kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.



Ya Allah, bukakanlah hati kami, untuk melaksanakan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau fardhukan. Berkatilah hidup orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Demikian juga Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya di negeri ini, limpahkanlah nikmat iman dan kesihatan yang berpanjangan kepada mereka, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً  
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ  
وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ





فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نِعَمِهِ، يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ، يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.